

Sesi penerangan meningkatkan keadaan peluang pekerjaan di kalangan mahasiswa OKU UMS



DARI KAMPUS

UB 19.9.2019 15

KOTAKINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Pusat Kerjaya dan Alumni (PKA) bersama Kementerian Sumber Manusia serta Jabatan Tenaga Kerja mengadakan Sesi Penerangan Meningkatkan Keadaan Peluang Pekerjaan Di Kalangan Mahasiswa OKU UMS pada 13 September 2019 baru-baru ini bertempat di Galeri Majlis, Bangunan Canselor, UMS.

Tujuan sesi ini diadakan adalah untuk menyebarluas fungsi dan peranan utama KSM selaku Pengerusi Ja-


watankuasa Pekerjaan MK-BOKU dalam menyediakan peluang dan sistem sokongan pekerjaan golongan OKU di Malaysia.

Selain itu, ia boleh meningkatkan kebolehpasaran graduan-graduan OKU dalam pekerjaan secara lebih komprehensif dan sistematik, membantu Pengurusan Universiti dalam aspek keperluan mahasiswa OKU.

Ia juga sebagai persediaan menempuh alam pekerjaan dan memastikan golongan OKU turut terlibat dalam arus pembangunan Negara melalui sektor pekerjaan selari dengan matlamat Akta OKU 2008.

Seramai lebih 20 orang pelajar OKU UMS hadir dalam sesi berkenaan.

Pengisian program diserikan dengan sesi perbincangan mengenai strategi mendapat pekerjaan dan isu keperluan OKU dalam kerjaya dan lawatan ke sekitar UMS untuk meninjau kemudahan mesra



BERGAMBAR BERSAMA: Sesi bergambar bersama tetamu khas dari Kementerian Sumber Manusia dan Jabatan Tenaga Kerja, Pengarah dan Dekan-Dekan UMS serta pelajar OKU UMS.

OKU

Pengarah PKA, Prof. Madya Dr. Lai Yew Meng dalam ucapannya “berharap agar ruang dan peluang ini dimanfaatkan oleh semua pihak khususnya siswa dan siswi untuk membincangkan isu keperluan OKU di universiti

dengan terbuka.

Hal ini kerana isu kemudahan bukanlah aspek yang boleh dipandang ringan. Ia boleh memberikan impak yang besar dalam keberkesanannya pembelajaran dan pengajaran di universiti” katanya lagi.

“Perkara ini seiring dengan

garis panduan yang dibangunkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, Dasar Inklusif OKU yang bertujuan menghapuskan pengasingan pelajar OKU daripada pelajar lain” katanya lagi.

Turut hadir adalah Dr. Faizal Bin Hj. Zainudin,

Ketua Penolong Setiausaha, Cawangan Dasar Perburuhan, Kementerian Sumber Manusia, Mustaffa Kamal Bin Bawaihi, Pengarah, Bahagian Perkhidmatan Pekerjaan, Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia dan Dekan-Dekan fakulti UMS.